




# Gen.Y

EDITOR: NOOR AZAM AB AZIZ

TEL: 1-300-22-NSTP SAMB: 4759

FAKS: 03-20567083/7084



## HIMPUN KOMUNITI



Nor Hanisah Kamaruzaman  
am@hmetro.com.my

PENULIS kagum melihat kegigihan anak muda Ahmad Hakym Ahmad Hilmy, 26, menggalakkan orang ramai terutamanya Gen Y untuk lepak dan 'sketch'.

'Sketching' atau lakaran adalah proses asas kepada penghasilan seni dan ia membabitkan perangkaan kepada subjek atau objek dilukis dan tidak membabitkan proses sukar.

Abdul Hakym juga pengasas dan pengarah KL Sketchnation berpendapat, lakaran boleh dilakukan sesiapa saja tanpa latar belakang seni kerana kemahiran melakar bersamaan dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

"Saya pilih untuk ketengahkan 'sketching' sebagai aktiviti yang menghim-punkan komuniti kita. Ia tidak memerlukan kemahiran yang tinggi berbanding melukis atau berkarya."

"Ini kerana lakaran berfungsi untuk

merekod dan menjadi salah satu medium untuk berkomunikasi tanpa mengira usia, latar belakang dan bidang peserta," katanya.

Katanya lagi, aktiviti berkenaan turut menghubungkan serta mendekatkan setiap peserta untuk berkongsi idea dan pengetahuan selain dapat menggalakkan aktiviti alam nyata atau secara berdepan.

"Sekarang kita dapat lihat terutama bagi generasi muda mereka terlalu mengharap kepada teknologi dan menggunakan teknologi dalam hampir semua perkara."

"Jadi aktiviti sketching dapat membantu dan mendorong orang ramai terutama golongan muda melakukan aktiviti luar dan bertemu serta berkenalan dengan orang ramai secara 'real' dan bukannya melalui telefon," katanya.

Lebih menarik, aktiviti melakar ini memerlukan peserta turun padang dan melakar secara langsung di lokasi pilihan tanpa membataskan apa yang ingin mere-

ka lakarkan.

Ahmad Hakym yang juga pelajar tahun akhir Sarjana dalam Seni Bina di Manchester School of Architecture mendapat inspirasi menuju KL Sketchnation dari komuniti Urban Sketchers (USK) yang berpangkalan di Manchester.

Ahmad Hakym ditemui di Galeri Serdang, Universiti Putra Malaysia (UPM) bersempena Pameran KL Sketchnation yang berlangsung sehingga 1 Mei ini.

Pameran yang terbuka kepada orang ramai itu bukan saji memamerkan hasil lakaran Ahmad Hakym malahan memberi pengetahuan meluas kepada pengunjung hasil pembentangan kajian pen-syarah Fakulti Rekabentuk dan Senibina universiti berkaitan aktiviti 'sketching'.

Orang ramai dijemput hadir dan masuk adalah percuma dan bagi yang berminat untuk turut serta dalam komuniti serta aktiviti KL Sketchnation, kunjungi akaun Instagram @klsketchnation untuk maklumat lanjut.

### PROFIL

#### PAMERAN KL SKETCHNATION

Tarikh: Sehingga

1 Mei 2016

Lokasi: Galeri

Serdang, Fakulti

Rekabentuk dan

Senibina Universiti

Putra Malaysia (UPM),

Serdang

Telefon: 03-8947 1823

Facebook: KL

Sketchnation

Instagram: @

klsketchnation

Web: www.

klsketchnation.com